



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 18 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN sita 4 kereta penyeludup disyaki cuba seleweng minyak

Tumpat: Empat kereta milik penyeludup disita kerana didapati membuat pengisian petrol disyaki untuk penyelewengan di sebuah stesen minyak di Palekbang di sini, kelmarin.

Bagaimapaun, semua pemandu bertindak melaikan diri ke kawasan semak berhampiran sebaik pasukan penguat kuasa tiba.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, serbuan dilakukan jam 9.30 pagi selepas pasukan membuat pemantauan selama 30 minit.

"Pasukan kami mem-

buat penyamaran dan memantau pergerakan sekumpulan pemandu disyaki penyeludup membuat pengisian petrol ke tangki kenderaan masing-masing.

"Sebaik serbuan dibuat, semua pemandu melarikan diri dan meninggalkan kenderaan masing-masing, malah ada yang belum sempat mengisi petrol," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azman berkata, empat kenderaan yang disita

ialah dua Proton Saga, selain Proton Saga Aeroback serta Proton Wira dengan jumlah petrol yang dirampas adalah 250 liter.

Menurutnya, siasatan awal mendapati semua suspek membuat pengisian secara berulang di beberapa stesen minyak, di sini, dengan kuantiti biasa, namun kerap.

"Pemilik stesen minyak turut diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

"Pasukan kami membuat penyamaran dan memantau pergerakan sekumpulan pemandu disyaki penyeludup membuat pengisian petrol ke tangki kenderaan masing-masing"



ANTARA kendaraan dengan muatan petrol disyaki untuk seludup disita ketika membuat pengisian di sebuah stesen minyak di Palekbang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



MOHD. SHAHRUL (kanan) menunjukkan tembikai bersaiz besar dan mampu mencecah 10 kilogram sebiji yang dijual di gerainya di Kampung Kubang Batang, Tumpat semalam. - ROHANA ISMAIL

Buah itu dijual pada harga RM2.50 sekilogram

Sebiji tembikai 'jumbo' cecah RM25

Oleh ROHANA ISMAIL

TUMPAT – Harga sebiji tembikai 'jumbo' boleh mencecah sehingga RM25 apabila buah tersebut dijual RM2.50 untuk sekilogram sejak lebih seminggu lalu.

Meskipun pengeluaran tembikai meningkat semasa musim panas, harganya tetap naik sehingga menyebabkan pembeli berkira-kira untuk membeli buah itu.

Seorang peniaga tembikai, Mohd. Shahru Iman Mohd. Saupi, 23, berkata, harga buah tembikai naik selepas Ramadan apabila ia dijual RM2 hingga RM2.10 sekilogram ketika itu.

Menurutnya, dia menjual tembikai pada harga RM10 untuk sebiji buah yang sederhana pada awal Ramadan lalu.

"Kenaikan harga tembikai berlaku selepas Ramadan apabila bekalan buah tersebut terpaksa dibeli dan diambil dari luar Kelantan.

"Tembikai dapat dijual pada harga yang berpatutan sebelum ini kerana saiznya kecil. Musim panas berterusan ketika ini memberi kesan kepada tumbesaran tembikai apabila saiznya lebih besar berbanding biasa," katanya ketika ditemui Kosmo di gerainya di Kampung Kubang Batang, di sini semalam.

Seorang lagi peniaga buah-buahan, Norhidayu Mohd. Nor, 38, berkata, buah tembikai agak mahal kali ini kerana buahnya besar dan bekalannya diperoleh daripada pembekal di luar Kelantan.

"Sebiji tembikai ketika ini di-

anggarkan 7 hingga 10 kilogram. Jadi, harganya mampu mencecah RM25 untuk sebiji buah.

"Apabila timbang harga sebiji tembikai, ia pasti melebihi harga RM20. Bagi mengelakkan pelanggan rasa harga jualan mahal, saya akan potong tembikai itu kepada dua atau empat bahagian.

"Jadi, satu daripada empat bahagian tembikai itu boleh dijual pada harga RM6.50," ujarnya.

Menurutnya, dia menjangkakan harga tembikai akan naik kepada RM3.50 hingga RM4.50 sekilogram tidak lama lagi kerana jualan buah tersebut pernah mencecah anggaran harga tersebut kira-kira dua bulan lalu.

Katanya, harga jualan ketika itu naik ekoran kekurangan bekalan tembikai selepas musim tengkujuh.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 APRIL 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Apr	Pemandu treler ditahan polis jual minyak diesel bersubsidi di sebuah premis	https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-treler-ditahan-polis-jual-minyak-diesel-bersubsidi-di-sebuah-premis/	BULETIN TV3
18-Apr	29,900 liter diesel bersubsidi dirampas polis Kedah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/29900-liter-diesel-bersubsidi-dirampas-polis-kedah	BERITA RTM
18-Apr	Dua lelaki ditahan disyaki jual diesel bersubsidi neelayan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-lelaki-ditahan-disyaki-jual-diesel-bersubsidi-neelayan-466664	ASTRO AWANI
18-Apr	Pastikan CCA lindungi pengguna, adil kepada peniaga	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235562/pastikan-cca-lindungi-pengguna-adil-kepada-	BERITA HARIAN
18-Apr	PROJEK PJD LINK EXPRESSWAY TIDAK DITERUSKAN - FAHMI	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2288758	BERNAMA
18-Apr	Global Ulama' Conference dianjur Mei ini	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/global-ulama-conference-dianjur-	UTUSAN MALAYSIA
18-Apr	Titah Adendum Najib tidak dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini	https://www.kosmo.com.my/2024/04/17/titah-adendum-najib-tidak-dibincangkan-dalam-mesyuarat-kabinet-hari-ini/	KOSMO
18-Apr	M'sia on right track in sustainable financing	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/04/18/msia-on-right-track-in-sustainable-	THE STAR

18-Apr	Empat kereta penyeludup petrol disita	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/04/1080874/empat-kereta-penyeludup-petrol	HARIAN METRO
18-Apr	MHO minta kes penipuan pelaburan disiasat ikut salah laku jenayah	https://www.sinarharian.com.my/article/660047/berita/semasa/mho-minta-kes-penipuan-pelaburan-disiasat-ikut-salah-laku-jenayah	SINAR HARIAN
18-Apr	MHO minta kes penipuan pelaburan disiasat ikut salah laku jenayah	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/04/1080963/mho-minta-kes-penipuan-pelaburan-disiasat-ikut-salah-laku-jenayah	HARIAN METRO
18-Apr	MHO MINTA KES PENIPUAN PELABURAN DISIASAT MENGIKUT SALAH LAKU JENAYAH	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2288870	BERNAMA
18-Apr	MHO minta kes penipuan pelaburan disiasat mengikut salah laku jenayah	https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235915/mho-minta-kes-penipuan-pelaburan-disiasat-mengikut-salah-laku	BERITA HARIAN